

SEMINAR ILMU DAKWAH DISIMPULKAN

Oleh Yusrin Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 OGOS – Dakwah sebagaimana yang dimaklumi, adalah suatu kegiatan penyampaian ajaran Islam sama ada dalam bentuk percakapan, tulisan atau perbuatan.

Selain itu, terdapat juga dakwah melalui keteladanan. Daripada kepelbagaian bentuk dakwah itu, seorang daie perlu mampu untuk menyesuaikan kedudukannya sebagai penghubung yang akan berhadapan dengan pelbagai jenis pendengar dan sasaran yang berlatar-belakangkan usia, pendidikan, profesion dan bahkan pemikiran yang berbeza. Justeru, isi dan

gaya komunikasi penyampaian dakwah yang betul akan menampilkan suatu dakwah yang berkesan.

Perkara tersebut diketengahkan oleh tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, di majlis penutup Seminar Antarabangsa Pendidikan Usuluddin yang diadakan selama dua hari anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian

Hal Ehwal Ugama bertempat di Dewan Tarbiah, KUPU SB.

Tetamu kehormat juga menyambut baik usaha KUPU SB yang telah menyediakan kursus-kursus minor dan elektif dalam bidang dakwah di peringkat program pra siswazah.

Beliau turut menyampaikan bahawa dalam era Revolusi Industri 4.0, kepelbagaian media komunikasi dan informasi perlu dimanfaatkan bagi tujuan menyebarkan kefahaman Islam kepada manusia. Ini kerana, misi untuk meneruskan tugas dakwah Rasulullah SAW setelah kewafatan Baginda terletak kepada umatnya.

Justeru, beliau berpendapat bahawa sebarang usaha sama ada dalam bentuk seminar atau apa jua program ke arah 'memperkasakan daie' adalah sangat dialu-alukan dan ia perlu dilaksanakan dengan konsisten dan sistematik.

Turut disarankan oleh tetamu kehormat majlis ialah supaya meletakkan kerangka atau agenda bagi memastikan profesion yang akan dimiliki para bakal daie adalah kompeten termasuk pengintegrasian antara ilmu-ilmu umum dan ilmu-ilmu agama ke dalam disiplin ilmu dakwah serta ilmu keislaman dengan ilmu sosial lainnya yang berfungsi sebagai ilmu bantu dakwah.



Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim semasa menghadiri seminar tersebut.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluan oleh Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin, KUPU SB, Dr Norasimah binti Haji Omar selaku timbalan pengerusi seminar menjelaskan bahawa para daie merupakan nadi penggerak utama dalam menyebarkan dakwah Islamiah dan meninggikan

syiar Islam di negara Brunei Darussalam.

Cabaran yang perlu mereka hadapi juga amat besar khususnya untuk merealisasikan slogan 'Negara Zikir' dalam konteksnya yang holistik di samping mendepani arus perdana teknologi digital yang pantas.